

28 SEP 2000

Yayasan-Formula

KORPORAT SEPAKAT TUBUH YAYASAN UNTUK CUNGKIL FORMULA MALAYSIA

PETALING JAYA, 28 Sept (Bernama) -- Beberapa syarikat korporat Malaysia sepakat menubuhkan yayasan ala "National Geographic Explorer" akhir tahun ini untuk membantu rakyat negara ini menakluki dunia dan juga mendapat penghargaan daripada kejayaan mereka.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif KUB (M) Berhad Datuk Hassan Harun berkata ia akan dikenali sebagai Yayasan Formula Malaysia dan merupakan satu-satunya yayasan sepertinya di negara ini.

"Kita tahu rakyat Malaysia ada kebolehan malah di kalangan kita ada yang bertaraf ahli fizik dunia, tapi mereka tidak diketengahkan atau dieksploit kebolehan mereka...yayasan inilah yang akan memainkan peranan," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Yayasan Formula Malaysia di sini, hari ini.

Pelaut Datuk Azhar Mansur yang pernah mengelilingi dunia merupakan contoh lain bagaimana yayasan ini akan menaja penjelajahan seperti itu, katanya.

Lapan buah syarikat korporat yang bersepakat untuk penubuhan yayasan itu ialah KUB, Edaran Otomobil Nasional, Southern Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Sungei Way, YTL Corporation, Malaysia Resource Corporation Berhad dan Sapura Group of Companies.

Pelancaran yayasan itu dijangka dibuat pada 16 Okt ini semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan Formula Malaysia di Hotel Sunway Resort.

Difahamkan para pengadil merasa takjub dengan ide yang dipaparkan oleh rakyat negara ini dalam peraduan itu.

Katanya, sesetengah pelajar dari kalangan sekolah menengah misalnya mempunyai pandangan yang amat jauh serta kreatif malah ada yang mampu menggambarkan suasana "bilik bedah" dan saat-saat Perdana Menteri menjalani pembedahan jantungnya.

Beliau merujuk kepada cerpen "PM Diserang Sakit Jantung" oleh Azmatul Akma Afiza Alias dari Sekolah Menengah Sungai Kertas, Batu Caves yang berjaya memenangi hadiah pertama kategori itu bernilai RM5,000.

Peraduan itu dilancar pada 15 Sept tahun lepas dan menarik penyertaan di luar dugaan dan hanya 5,000 ditapis untuk diadili.

--BERNAMA

SLR ZS ZB